

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Segera tangani tekanan kerja petugas kesihatan



Keratan akhbar
BH 18
September lalu.

Kementerian perhalusi isu beban masa kerja doktor

Kuala Lumpur: Isu masa kerja doktor hingga mencecah 30 jam antara yang sedang diperhalusi Kementerian Kesihatan dalam usaha penambahbaikan aspek sumber manusia dalam sektor kesihatan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata selain isu membabitkan waktu kerja doktor, kementerian turut melihat kepada masalah yang lebih luas iaitu bekalan dan permintaan bagi doktor serta penempatan sumber manusia.

"Kita perlu memahami jurang dan kekurangan yang ada, sebelum memberikan penyelesaian yang betul.

"Itu sangat mustahak dan dalam hal bajet pun kita mengharapka ia akan dapat mencerminkan kegusaran pekerja kesihatan kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Perasmian Persidangan Pengurusan Bencana sempena Bulan Kesiapsiagaan Nasional Peringkat Kementerian Kesihatan (KKM) di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau juga berkata pasukan petugas khas bebas bagi menyiasat kematian pakar perubatan patologi dari Hospital Lahad Datu, Sabah akan turut mengenal pasti fasiliti kesihatan kerajaan lain yang wujud isu buli.

Katanya, pasukan petugas khas itu memulakan tugas pada 10 November lalu dan akan memberi tumpuan kepada kematian punca Pakar Perubatan Patologi, Dr Tay Tien Ya.

"Tetapi ia juga akan menyusuli kes buli secara lebih umum, bukan saja kematian Dr Tay, tapi lakwaan buli di seluruh, khususnya yang sudah kita kenal pasti fasiliti kita.

"Kita ada senarai untuk dilakukan (siasatan) lanjutan tiga bulan lagi untuk dapat kita lihat seluruh negara dari sudut masalah buli ini," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, beliau baru saja berjumpa dengan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Borhan Dollah untuk mengetahui kesiapsiagaan pasukan itu.

Kadar inflasi dalam kos kesihatan membimbangkan

Pembayaran terus dari poket, kurang pembiayaan antara punca peningkatan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan kos perubatan di negara ini menunjukkan trend membimbangkan, sekali gus mencerminkan cabaran besar yang dihadapi sektor kesihatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata sebahagian besar inflasi kos perubatan ini berpunca daripada pembayaran terus dari poket, selain kekurangan pembiayaan kesihatan prabayar atau terkumpul.

"Isu berkenaan bukan sahaja kritikal kepada sektor kesihatan swasta, tetapi juga memberi kesan langsung kepada sistem kesihatan awam," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) di Dewan Rakyat.

Inflasi kos perubatan merujuk kepada peningkatan berterusan dalam harga bukan sahaja bagi

perkhidmatan kesihatan dan ubat-ubatan, malah pemeriksaan berkala dan rawatan lain juga.

Ia terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk peningkatan dalam kos pengeluaran peralatan perubatan, tuntutan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan kesihatan dan peningkatan kos hidup.

Mengikut laporan rasmi Bank Negara Malaysia (BNM) bagi 2023 inflasi direkodkan pada tahap 12.6 peratus.

Galak ketelusan harga

Dr Dzulkefly berkata, biarpun inflasi direkodkan itu menyentuh langsung pada kos penjagaan kesihatan dalam sektor swasta, Kementerian Kesihatan (KKM) amat prihatin terhadap kebimbangan rakyat ini.

"Cabaran ini bukanlah unik kepada Malaysia sahaja, tetapi isu global yang dihadapi banyak negara. KKM memahami bahawa

penyelesaian yang holistik dan inovatif amat diperlukan untuk menangani isu ini secara berkesan," katanya.

Dzulkefly berkata, dalam usaha memperkasakan rakyat untuk membuat keputusan yang bermaklumat, KKM menggalakkan ketelusan harga dalam sektor penjagaan kesihatan swasta.

Katanya, ini akan membolehkan rakyat membuat perbandingan dan membuat keputusan yang lebih tepat mengenai perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan.

"KKM juga menekankan pentingnya penjagaan kesihatan berasaskan nilai yang memfokuskan kepada peningkatan tahap kesihatan berbanding pembayaran kepada input.

"Melalui perkhidmatan penyumbeluan yang sedang dilaksanakan, KKM menggunakan pendekatan pembeli strategik untuk mendorong sektor swasta bu-

kan saja menawarkan perkhidmatan dengan margin keuntungan lebih rendah tetapi dengan peningkatan jumlah pesakit," katanya.

Dzulkefly berkata, pendekatan kualiti penjagaan lebih baik dengan kos lebih rendah bagi rakyat.

Katanya, KKM juga memberi perhatian serius terhadap faktor penentu sosial untuk kesihatan (SDH) yang turut mempengaruhi kesihatan rakyat.

Menurutnya, faktor ini memainkan peranan penting dalam mengekang peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti kencing manis, darah tinggi, dan penyakit jantung.

"Dalam usaha untuk memastikan gaya hidup yang lebih sihat, kerajaan melancarkan pelbagai inisiatif seperti Perang Terhadap Gula, cukai ke atas minuman bergula (SSB), sistem label panduan nutrisi depan (Nutrigrade) untuk memberikan maklumat tentang kandungan gula dan garam dalam produk makanan.

"Selain penguatkuasaan undang-undang berkaitan tembakau serta usaha meningkatkan kecergasan kesihatan dalam kalangan rakyat. Usaha ini bertujuan meningkatkan kesedaran kesihatan dan mempromosikan pilihan gaya hidup sihat di kalangan rakyat," katanya.

KKM memahami bahawa penyelesaian yang holistik dan inovatif amat diperlukan untuk menangani isu ini secara berkesan

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Garis panduan kandungan berkaitan bunuh diri

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) sedang membangunkan Garis Panduan Pelaporan dan Perkongsian Kandungan Berkaitan Bunuh Diri Secara Beretika.

Garis panduan itu antara lain bertujuan menggalakkan amalan kandungan bertanggungjawab yang seimbang antara hak masyarakat untuk mengetahui maklumat elakkan mudarat.

Usaha itu dilakukan dengan kerjasama penggiat industri, pejuang kesihatan mental, pengamal perubatan dan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Negara (NCEMH).

Kementerian Komunikasi menerusi jawapan bertulis di laman sesawang Parlimen, memaklumkan CMCF juga menjalin kerjasama erat dengan penyedia perkhidmatan seperti *Meta*.

Kerjasama itu dalam menjalankan program *Creators IRL*, bertujuan melengkapkan pencipta kandungan dengan pengetahuan, alat dan pengalaman bagi menangani ancaman dalam talian dan menghasilkan kandungan selamat dan bermanfaat.

"Perkongsian kandungan berkaitan bunuh diri secara bertanggungjawab dan kepentingan kesihatan mental dalam mengharungi dunia dalam talian turut menjadi sebahagian modul CMCF untuk program itu," menurut kementerian berkenaan.

Penjelasan itu bagi menjawab soalan Young Syefura Othman (PH-Bentong) mengenai rancangan kementerian untuk turut bekerjasama dalam inisiatif tiga syarikat media sosial terbesar.

Kerjasama dengan *Meta*, *Snap* dan *TikTok* bersama *The Mental Health Coalition* itu bagi membentuk satu inisiatif dipanggil *Thrive* untuk membendung kandungan berkait isu bunuh diri dan kesihatan mental.

Kementerian Komunikasi memaklumkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedia memberi kerjasama serta sokongan penuh terhadap usaha pelbagai pihak termasuk *Thrive* bagi tujuan itu.

Sementara itu, Kementerian Komunikasi memaklumkan, draf RUU Majlis Media Malaysia (MMM) dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan terakhir sebelum Memorandum Jemaah Menteri mengenai RUU itu disediakan.

"RUU ini dijangka dibentangkan dalam mesyuarat Parlimen kali ini, tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri," menurut kementerian itu bagi menjawab soalan Ahmad Fadhli Shari (PN-Pasir Mas) mengenai status penubuhan MMM.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

12 www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

lokal

Lima rakan sekerja syarikat IT tak mengaku ubah suai aplikasi KKM

Kuala Lumpur: Lima rakan sekerja sebuah syarikat perkhidmatan teknologi maklumat (IT) mengaku tidak bersalah atas pertuduhan melakukan pengubahsuaian kandungan sebuah aplikasi tanpa kebenaran Kementerian Kesihatan (KKM), enam bulan lalu.

Mereka itu Muhammad Farid Zanuri, 28, Muhammad Ikhwan Hakim Mohd Tahir, 26, Muhammad Ameer Idham Norasbi, 26,

Mohamad Naquiddin Mohd Najmi, 34, dan Mohd Zul Fahmi Mokhtar, 36.

Semua tertuduh didakwa melakukan pengubahsuaian kandungan *Source Code* bagi aplikasi *Blood Bank Information System (BBISV2)* yang merupakan hak cipta terpelihara milik KKM, dengan menggunakan komputer riba dibekalkan oleh syarikat IT itu tanpa kebenaran daripada pihak KKM.

Perbuatan itu didakwa

dilakukan di syarikat IT berkenaan di Bangsar di sini, antara 1 April dan 13 Mei lalu mengikut Seksyen 5 (1) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 5 (4) akta sama.

Akta itu memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak lebih tujuh tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Wan Ahmad Hijrah Wan

Abdullah mencadangkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh, manakala peguam S Roshan mewakili semua tertuduh memohon jaminan rendah atas alasan mereka mempunyai tanggungan keluarga.

Hakim Siti Aminah Ghazali membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 16 Januari tahun depan untuk sebutan kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Langkah tangani insiden bahan kimia dalam garis panduan baharu KKM

KUALA LUMPUR - Langkah kesiapsiagaan petugas kesihatan bagi menangani insiden melibatkan bahan kimia, biologi, radiologi, nuklear dan bahan letupan merupakan antara inti pati lima garis panduan baharu diperkenalkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam pengurusan bencana negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, perkara itu terkandung dalam garis panduan pengurusan kimia, biologi, radiologi, nuklear dan bahan letupan

(CBRNe) 2024 yang antara lain turut melibatkan tatacara komunikasi risiko dan pelaporan insiden bencana.

"Penyediaan garis panduan komprehensif dan sistematik dalam pengurusan bencana ialah langkah penting memastikan kesiapsiagaan, respons pantas dan pemulihan yang berkesan semasa dan selepas bencana," katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Pengurusan Bencana Bersempena Bulan Kesiapsiagaan Nasional Peringkat KKM. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : DALAM NEGERI

4

Utusan Malaysia
 KHAMIS • 17 OKTOBER 2024

Dalam Negeri

Dakwaan dikerah kerja lebih 30 jam: KKM teliti syif doktor

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
 dan **AIMAN ALI**
 utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) akan meneliti isu tenaga kerja dalam sektor kesihatan awam termasuk isu berkenaan syif doktor yang didakwa diarah bekerja on-call hingga melebihi 30 jam.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad percaya isu doktor bekerja lebih masa itu tidak belaku secara meluas di semua hospital awam.

Bagaimanapun, menurut beliau, KKM akan mengenal pasti kekurangan yang wujud dalam sistem tenaga kerja pegawai perubahan itu.

"Kementerian kini giat meneliti semua permintaan bekalan penggunaan tenaga kerja dan dalam rangka kerja tersebut, kami akan dapat menanganis isu tertentu seperti itu."

"Masalah berkenaan tidak berlaku di semua tempat, sebab itu kementerian perlu memahami jurangnya dan memahami di mana kekurangannya," katanya selepas merasmikan Persidangan Pengurusan Bencana Bersempena Bulan Kesiapsiagaan Nasional Peringkat KKM Tahun 2024 di sini, semalam.

Terdahulu, sekumpulan dok-



DZULKEFLY Ahmad (tengah) mendengar penerangan pada pameran Persidangan Pengurusan Bencana sempena Bulan Kesiapsiagaan Nasional Peringkat KKM 2024 di Kuala Lumpur semalam.

tor menggesa KKM mengurangkan syif di luar waktu pejabat kerana tempoh bekerja yang dilakukan oleh golongan tersebut disifatkan seperti tidak berperikemanusiaan.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr

Kalwinder Singh Khaira berkata, waktu syif atas panggilan itu perlu berperikemanusiaan walaupun ia bergantung kepada bilangan doktor yang ada di sesebuah jabatan.

Jelasnya, tempoh kerja yang melampau itu menyebabkan ke-

merosotan terhadap kualiti penjagaan pesakit dan sepatutnya jika seorang doktor sudah berkhidmat sehingga 24 jam maka perlu diberi rehat pada keesokannya.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata, KKM me-

lancarkan lima Garis Panduan Pengurusan dan Kesiapsiagaan Bencana bagi memastikan negara sentiasa bersedia dengan sebarang bencana.

Jelasnya, garis panduan tersebut juga bagi membina kapasiti dan keupayaan yang lebih baik untuk memperingkatkan kesiapsiagaan negara berhadapan bencana.

"Objektifnya adalah untuk menyediakan negara berdepan dengan apa juga kemungkinan berlakunya bencana sama ada sifatnya itu adalah bencana-bencana yang kita selalu tahu banjir dan pastinya pelbagai penyakit dan juga tanah runtuh.

"Tapi yang kita hendak juga tekankan bencana-bencana seumpama bencana kimia dan juga penyakit berjangkit seumpama yang kita baru lalui Covid-19.

"Jadi kesemua ini adalah sangat mustahak untuk sebuah negara sentiasa dalam keadaan siap siaga yang tinggi untuk kekal berjaga-jaga, tangkas dan teguh," katanya.

Tambahnya, garis panduan itu akan berfungsi sebagai prosedur mobilisasi sumber manusia di KKM bagi memastikan tindak balas pantas dan berkesan semasa kecemasan kesihatan awam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Hospital swasta perlu telus dalam tentukan harga

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan mengingatkan sektor penjagaan kesihatan swasta supaya sentiasa telus dalam menentukan harga caj perubatan mereka.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kadar inflasi kos perubatan bukan sahaja kritikal kepada sektor kesihatan swasta tetapi turut memberi kesan langsung kepada sistem kesihatan awam.

Kata beliau, isu tersebut merupakan isu global dan kementerian memahami bahawa penyelesaian yang holistik inovatif amat diperlukan untuk menangani perkara tersebut secara berkesan.

"Dalam usaha memperkasakan rakyat untuk membuat keputusan yang bermaklumat kementerian menggalakkan ketelusan harga dalam sektor penjagaan kesihatan swasta.

"Ini akan membolehkan rakyat membuat perbandingan dan membuat keputusan yang lebih tepat mengenai perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan," katanya dalam jawapan bukan lisan yang disiarkan di laman web rasmi Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) yang memintanya menyatakan langkah kerajaan untuk menangani kos perubatan naik sebanyak 12.6 peratus pada tahun 2024 ini di mana terdapat pertambahan 600,000 rakyat dewasa yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) dalam tempoh empat tahun sejak 2019.

Mengulas lanjut katanya, kenaikan 12.6 peratus itu merupakan kadar inflasi kos perubatan bagi tahun 2023 dan bukannya unjuran untuk tahun 2024.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Anti-bullying task force widens probe to hospitals nationwide

THE team investigating the death of a doctor at Lahad Datu Hospital will also identify other medical facilities where staff members are allegedly abused. They have three months to finish the job.

» PAGE 4

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION / NEWS

New Straits Times, THURSDAY, OCTOBER 17, 2024

4

NEWS / Nation

DEATH OF DOCTOR

TASK FORCE TO LOOK INTO BULLYING IN HOSPITALS

It will determine cause of pathologist's death, expand probe into other cases, says health minister

FARAH MARSHITA ABDUL PATAH
AND MOHD NASARUDDIN PARZI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Health Ministry will identify and investigate hospitals with reported cases of doctors getting bullied.

Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said a special task force would look into these cases, following the death of a pathologist at Lahad Datu Hospital, and it would expand the investigation to other healthcare facilities.

He said the task force began its

work on Oct 10 and would focus on determining the cause of Dr Tay Tien Yaa's death.

He said the task force would investigate bullying cases in general, including those occurring at other healthcare facilities.

"This special task force will conduct investigations into bullying cases over three months.

"So, we have three more months to examine this bullying issue nationwide," he said after officiating at the Disaster Management Conference here yesterday.

Present was the ministry's secretary-general Datuk Seri Suriani Ahmad.

Dr Dzulkefly said he recently met former Public Services Department director-general Tan Sri Borhan Dollah to assess the readiness of the task force.

He said the ministry was reviewing several other issues, including the 30-hour work shift for doctors.

The ministry, he added, was al-

so addressing other concerns, such as the supply and demand for doctors and the allocation of human resources.

"We (the ministry) need to understand the existing gaps and shortages before providing the right solutions.

"That is important. In terms of the budget, we hope it will reflect the concerns of healthcare workers."

Separately, Dr Dzulkefly said the rising cost of medical care was a concern as it highlighted significant challenges within the healthcare sector.

Much of the medical cost inflation, he said, was driven by out-of-pocket payments and a lack of pre-paid or pooled health financing.

"This issue affects not only private healthcare but also has a direct impact on the public healthcare system," he stated in a parliamentary written reply to Hassan Abdul Karim (Pakatan Harapan-Pasir Gudang).

Medical cost inflation refers to the continuous rise in prices for healthcare services, medications, routine check-ups and other treatments.

The increases are fuelled by factors that include higher pro-

duction costs for medical equipment, increased demand for healthcare services and a general rise in living costs.

According to a 2023 report from Bank Negara Malaysia (BNM), Malaysia recorded medical inflation at 12.6 per cent, higher than the global average of 5.6 per cent.

Dzulkefly said while this inflation directly affected private healthcare costs, the ministry was genuinely concerned about public apprehensions.

"This challenge is not unique to Malaysia. It is a global issue faced by many countries.

"The ministry recognises the urgent need for holistic and innovative solutions to effectively tackle this problem."

"To empower the public to make informed choices, the ministry encourages price transparency in the private healthcare sector.

"This will allow individuals to compare options and make better decisions about the healthcare services they need.

"The ministry underscores the importance of value-based healthcare, which prioritises improving health outcomes over merely paying for services."

He added that through ongoing

outsourcing services, the ministry was implementing a strategic purchasing approach aimed at encouraging the private sector to offer services with lower profit margins, while increasing patient volumes.

Dr Dzulkefly said this approach aimed to ensure higher quality care at reduced costs for the public.

The ministry was addressing social determinants of health, which influence population health, he said.

"These determinants are crucial in managing the rise of non-communicable diseases such as diabetes, hypertension and heart disease."

To promote healthier lifestyles, the government has launched several initiatives, including a war on sugar campaign, a sugar tax and a front-of-pack nutrition labeling system to inform the public about sugar and salt content in food products.

"In addition to enforcing tobacco-related laws, efforts are underway to enhance public health literacy.

"These initiatives aim to raise health awareness about and promote healthy lifestyle choices."



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (centre) officiating at the Disaster Management Conference in Kuala Lumpur yesterday. With him is the ministry's secretary-general Datuk Seri Suriani Ahmad (left).
BERNAMA PIC

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Looking for a 'cure' to 30-hour shifts

Health Ministry to address manpower issues regarding long on-call hours

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Manpower matters, including the issue of 30-hour on-call shifts for doctors, are being looked into as the Health Ministry seeks the right "prescription" for them, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"We are now looking at the question of supply and demand regarding the deployment of our human resources," the Health Minister said.

"Within that framework, we will be able to address specific issues (like the 30-hour shifts).

"This does not happen everywhere. This is why we have to understand where the gaps are.

"We have to identify the short-fall and give the correct 'prescription'," he said on the sidelines of the ministry's Disaster Management Conference here yesterday.

Dzulkefly was asked if the ministry would look into calls by doctors to review the long shifts, which they claim have taken a toll on their well-being.

While not promising a definite



All ears: Dzulkefly (centre) visiting an exhibition booth after officiating the Disaster Management Conference. With him is the Health Ministry secretary-general Datuk Seri Suriani Datuk Ahmad (second from left). — Bernama

outcome, he said the ministry is trying to understand the issues that need to be addressed.

The Star reported yesterday that doctors have called for the 30-hour shifts to be reduced to "more humane" hours.

In June, a 31-year-old doctor was found dead in her car in the parking lot of a hospital, with fluid in her lungs. Her sister

believed that her untimely death was caused by overwork, exhaustion and inadequate rest.

Dzulkefly said he hopes issues that have caused concern among healthcare workers will be addressed in Budget 2025 to be announced tomorrow.

"We hope due consideration is given to their welfare," he added. On the death of a pathology

specialist at Hospital Lahad Datu in Sabah, Dzulkefly said he had met with Tan Sri Borhan Dollah, the chairman of the task force set up to investigate the incident.

The task force, he added, is independent of the ministry.

Dzulkefly also said the ministry is looking into alleged bullying that has been identified in other government-run health facilities.

Dr Tay Tien Yaa, 30, the head of the hospital's Chemical Pathology Unit, was found dead in her rental unit on Aug 29, following allegations of workplace bullying.

On Oct 1, her brother Tay Yong Shen said his sister had showed no sign of depression or despair, adding that the family later discovered evidence in her WhatsApp conversations of her workload and how she was being treated.

On another note, the ministry has drawn up guidelines to strengthen resilience and response to disasters and crises in its effort to prepare the country to face potential disasters such as landslides and floods, said Dzulkefly.

"We are also emphasising chemical disasters and infectious diseases such as Covid-19," he told

reporters at the event.

"It is important for a country to remain prepared, alert, agile and robust."

He said this is also to ensure that the country's development and economic progress will not be derailed in the event of a disaster.

Dzulkefly said the five-pronged guidelines have been tested through simulations at the district, state, national as well as Asean levels, and will be improved upon periodically.

The guidelines encompass the ministry's Disaster Management Plan 2024; Crisis Preparedness and Response Centre's standard operating procedure 2024; Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosives Management Guidelines 2024; Rapid Assessment Team and Rapid Response Team 2024; and Human Resource Mobilisation During Public Health Emergencies 2024.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com

